

31/03/2000

Semua kaum mesti mengundi: Pak Lah

Shariffudin Mohamed; Rosli Abdul Jalil; Sariha Mohd Ali  
MENTAKAB, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pengundi bukan Melayu, terutama Cina menolak dakwaan parti pembangkang kononnya pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang hanya membabitkan orang Melayu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini adalah taktik parti pembangkang untuk menghalang pengundi bukan Melayu keluar mengundi, Sabtu ini.

"Saya mendapat berita ada pihak yang menyokong parti pembangkang sengaja mengatakan pengundi Cina tidak perlu mengambil bahagian kerana pilihan raya kecil itu berkaitan orang Melayu saja iaitu antara Umno dengan Pas.

"Ini satu perbuatan tidak bertanggungjawab sedangkan kita mahu lebih ramai rakyat berdaftar sebagai pengundi sesuai dengan amalan demokrasi di negara ini.

"Hak mengundi rakyat amat penting untuk menentu kerajaan dan wakil rakyat mereka," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi peniaga dari kedai ke kedai di sekitar bandar ini di sini, hari ini.

Beliau yang tiba di sini, malam tadi untuk membantu kempen BN, berkata pengundi Cina dan India tidak perlu mendengar berita seumpama itu, sebaliknya menggunakan hak mereka sebagai pengundi untuk memilih wakil rakyat yang baru.

"Keluarlah beramai-ramai dan jangan bimbang dengan cakap-cakap kononnya akan berlaku masalah pada hari pengundian seperti kekacauan dan pergaduhan.

"Ini bukan satu perkara yang sepatutnya membimbangkan. Kita menjamin hak mengundi mereka selain polis akan memastikan keadaan aman pada hari mengundi dan proses pengundian berjalan baik," katanya.

Mengenai sokongan pengundi bukan Melayu kepada BN, Abdullah berkata, ia sangat baik dan mungkin kerana itu, penyokong parti pembangkang menggunakan strategi untuk menghalang mereka keluar mengundi.

Beliau turut membidas Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor kerana mendakwa BN akan tewas dalam pilihan raya kecil itu disebabkan pemimpin Umno masih bersifat angkuh.

"Saya tidak faham apa yang dimaksudkan angkuh itu. Hari ini kita menerima sambutan baik ketika berjumpa rakyat (sekitar bandar Mentakab) dengan diiringi calon BN.

"Ucapan saya pula tidak menyentuh peribadi atau menghentam pemimpin pembangkang dan mengatakan bukan-bukan," katanya.

Sebaliknya, beliau menegaskan pemimpin Pas yang bersikap angkuh kerana sering membuat tuduhan dan mengeluarkan kata-kata hina terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin kerajaan lain sehingga tiada hadnya.

(END)